

26 JUN 1997

Pemuda-Israel

PEMUDA UMNO KUTUK ISRAEL

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pergerakan pemuda Umno mengutuk sekeras-kerasnya cadangan Isreal untuk memindahkan ibu negara mereka ke Baitulmuqadis dan menyifatkan tindakan itu sebagai satu langkah yang biadab dan mencabul proses damai di Asia Barat.

Ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata Pemuda Umno yang membuat pendirian itu pada mesyuarat Exconya hari ini juga mahu semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini menggunakan saluran dan kerjasama mereka dengan NGO luar negara untuk memberikan tekanan kepada Israel.

"Jika selama ini NGO itu begitu lantang mengkritik negara-negara yang didakwa tidak menghormati hak asasi manusia, kini sampai masanya untuk mereka membuktikan kesungguhan," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kira-kira tiga jam itu.

Pemuda Umno juga berjanji untuk bekerjasama dengan kesemua NGO termasuk menganjurkan perhimpunan bagi menyatakan pendirian masing-masing tentang kekejaman dan kebiadaban Israel itu, katanya.

Pemuda Umno mahukan semua NGO negara ini berganding bahu dengan pergerakan itu bagi menyampaikan bantahan kepada Amerika Syarikat yang telah meluluskan resolusi yang mengiktirafkan Baitulmuqadis sebagai ibu negara Isreal.

Tindakan Amerika itu adalah keterlaluan kerana ia jelas bertentangan dengan Resolusi 425 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1978 yang menolak sebarang tindakan untuk memiliki atau mengubah komposisi, bentuk serta demografi Baitulmuqadis, katanya.

Zahid berkata, sikap kurang ajar Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu yang sengaja menggunakan isu proses damai untuk kepentingan politik dan pengukuhan kekuasaannya di Israel harus ditentang.

Pemuda Umno dalam soal ini juga menyokong amaran Presiden Palestin Yasser Arafat yang bimbang kekacauan akan timbul jika Netanyahu terus mengetepikan semangat proses damai, katanya.

Beliau berkata Pemuda Umno meminta Menteri Luar Datuk Abddullah Ahmad Badawi untuk segera menghubungi Kumpulan Perhubungan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi sama-sama menggerakkan negara-negara anggota OIC untuk menganjurkan tekanan terhadap Israel.

Ini selaras dengan gesaan Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad agar satu gerakan dimulakan dikalangan negara Islam untuk mendapatkan sokongan dunia bagi menentang langkah Israel memindahkan ibu negaranya ke Baitulmuqadis, katanya.

Pemuda Umno juga mahu negara Islam bersatu dan menjadikan usaha menyelamat Baitulmuqadis, sebuah bandar suci Islam, sebagai satu tuntutan.

Sokongan dari segi material dan kewangan harus diberikan kepada Palestin untuk membina kekuatan dan ketahanan bagi memastikan Palestin dapat mempertahankan maruah mereka.

"Kegagalan kita untuk membantu Palestin akan memalukan dunia Islam," katanya.

Zahid berkata Pemuda Umno akan menghubungi gerakan-gerakan muda Islam di seluruh negara untuk sama-sama bertukar-tukar pendapat bagi mencari jalan untuk menggerakkan tekanan dalam usaha bagi menentang usaha Israel itu.

Pemuda Umno juga mahu satu usaha untuk menentang tindakan Israel itu dibuat serta-merta. Antara cadangannya ialah kesemua negara Islam mengkaji

semula hubungan perdagangan dengan negara-negara yang menyokong Israel sebagai langkah awal memberitahu mereka supaya memberhentikan kebiadaban Israel dan Amerika Syarikat itu. -- BERNAMA

SJA NMO